

Angkat pejuang kemerdekaan suburkan patriotisme



Oleh Prof Madya Dr Mohamed Ali Haniffa
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Patriotisme adalah perasaan kesetiaan kepada negara dan menjadi unsur penting nasionalisme. Pengertian 'kebangsaan' dihayati dan dikaitkan dengan perjuangan menegakkan maruah bangsa serta negara menentang penjajahan.

Sempena meraikan sambutan Bulan Kebangsaan ini, rakyat perlu disemarakkan dengan semangat menghayati jejak pejuang terdahulu bagi menyemarakkan patriotisme. Perjuangan dilakukan Sultan Mahmud bagi mendapatkan semula Melaka yang ditawan Portugis adalah sebahagian daripada nasionalisme awal.

Susuk tubuh seperti Tunku Muhamad Saad Tunku Daud, Datuk Maharaja Lela, Datuk Bahaman, Yam Tuan Tunku Antah, Mat Salleh, Rentap, Tok Janggut, Haji Abdul Rahman Limbong mungkin kurang didendang.

Sementara itu, sumbangan agamawan seperti Syeikh Abdul Malik Abdullah atau Tok Pulau Manis, Abdul Samad Mohd Salleh (Tuan Tabal), Mohd Yusof Mohamad (Tok Kenali) dan Tuan Hussein Kedah juga perlu dilihat.

Tidak kurang pentingnya peranan Syeikh

Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki dengan Gerakan Islah menyebarkan pandangan, mendidik dan mengkritik masyarakat melalui media cetak. Menjelang abad ke-20, muncul tokoh seperti Ibrahim Yaacob, Zainal Abidin Ahmad atau Pendita Za'aba, Ishak Muhammad, Abdul Wahab Toh Muda Abdul Aziz, Ahmad Boestamam, Dr Burhanuddin Al-Helmi, Tun VT Sambanthan, Tun H S Lee, Khadijah Sidek dan lain-lain lagi berperanan sebagai penyatu rakyat.

Sultan Idris Training College (SITC), Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Ihya Assyarif, Gunung Semanggol juga turut signifikan dalam melahirkan golongan pemikir kemerdekaan negara. Pemimpin tempatan turut menyuntik jihad fisabilillah mengusir komunis dengan berbekalkan zikir dan parang panjang.

Antaranya ialah Yahya Kupang, Kiai Salleh Abdul Karim, Tok Pawang Nong Santan, Bakri Mohd Saman, Haji Abdul Rahman Abdul Manan dan Salleh Abdul Manan.

Perkasa pembugaran patriotisme

Perpaduan adalah syarat utama sebelum kemerdekaan negara diperoleh. Seorang daripada tokoh penting kemerdekaan negara ialah Syeikh Abdullah Fahim, seorang ulama ilmu falak memberi 'petunjuk dan nasihat' kepada Tunku Abdul Rahman mengenai cara kemerdekaan boleh diperoleh

tanpa pertumpahan darah.

Pemilihan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 merujuk kepada kiraan falak, termasuk saranan diberikan Syeikh Abdullah Fahim yang juga datuk kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi untuk menaiki kapal laut ke London dan pulang bersegera selepas runtingan ada hikmahnya dalam memberikan ruang masa mencukupi kepada rombongan kemerdekaan berbincang serta mencari kesepakatan.

Pemilihan Padang Pahlawan, Banda Hilir, Melaka sebagai lokasi perisytiharan penetapan tarikh kemerdekaan adalah simbolik kepada kejatuhan kota Melaka pada 1511. Detik menurunkan bendera Union Jack di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada tepat jam 11.59 malam 30 Ogos 1957.

Ini diikuti dengan pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957 dengan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali dan doa Hari Kemerdekaan dibacakan Mufti Negeri Sembilan, Syeikh Ahmad Muhammad Sa'id al-Linggi.

Pembugaran patriotisme dalam kalangan masyarakat demi menghayati sambutan Bulan Kebangsaan perlu diperkasakan. Pengorbanan pejuang dahulu bukan hanya sekadar paparan dalam buku teks sekolah bagi melengkapkan kurikulum.